

INTEGRITI DALAM AGIHAN BANTUAN KEWANGAN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN DI MALAYSIA BERDASARKAN INDEKS PEMBANGUNAN LESTARI ISLAM

INTEGRITY IN THE DISTRIBUTION OF FINANCIAL ASSISTANCE BY THE FEDERAL GOVERNMENT AGENCIES BASED ON THE ISLAMIC SUSTAINABLE DEVELOPMENT INDEX

Ahmad Nazrul Alif Yahya¹
Noor Amilatul Najwa Ahmad Sobri²
Wan Norhaniza Wan Hasan³

¹Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia (nazrul_alif@ymail.com)

²Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia (najwanans92@gmail.com)

³Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia (wanhaniza@usm.my)

Article history

Received date : 19-11-2020
Revised date : 20-11-2020
Accepted date : 29-12-2020
Published date : 30-12-2020

To cite this document:

Ahmad Nazrul Alif Yahya, Noor Amilatul Najwa Ahmad Sobri, Wan Norhaniza Wan Hasan (2020). Integriti Dalam Agihan Bantuan Kewangan Oleh Kerajaan Persekutuan Di Malaysia Berdasarkan Indeks Pembangunan Lestari Islam. *International Journal of Modern Trends in Business Research (IJMTBR)*, 3 (14), 33 - 65.

Abstrak: Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis integriti dalam agihan bantuan kewangan oleh kerajaan persekutuan di Malaysia. Pelaksanaan bantuan kewangan oleh kerajaan persekutuan dapat ditentukan dengan adanya kakitangan, staf atau penjawat awam yang berkualiti yang mampu membawa kejayaan pada setiap pelaksanaan bantuan kewangan. Sifat telus, amanah dan bertanggungjawab adalah perkara penting bagi setiap individu dalam menjayakan pelaksanaan tersebut supaya dapat berkhidmat dengan baik demi kepentingan masyarakat. Dengan kata lain, integriti ini bukan sahaja melibatkan tindakan baik yang perlu dilakukan dalam setiap tugas yang diamanahkan, malah ia juga berkait rapat dengan ajaran agama dan nilai tanggungjawab sebagai seorang manusia. Hakisan nilai integriti dalam kalangan penjawat awam akan mengakibatkan kepincangan dalam pentadbiran dan pelaksanaan bantuan kewangan. Persoalannya, bagaimanakah kepincangan yang berlaku dalam pelaksanaan bantuan kewangan tersebut? Kertas kerja ini mempunyai dua objektif. Pertama mengenal pasti organisasi pelaksanaan bantuan kewangan oleh kerajaan persekutuan di Malaysia. Kedua, menganalisis dan merumuskan integriti dalam pelaksanaan bantuan kewangan oleh kerajaan persekutuan berdasarkan Pelan Anti-Rasuah Nasional 2019-2023. Analisis ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kajian dokumen dan analisis kandungan. Kajian ini mendapati unsur integriti dalam agihan bantuan kewangan dalam kalangan agensi kerajaan persekutuan di Malaysia tidak melibatkan isu ketirisan dana bantuan sebaliknya lebih melibatkan proses, tempoh dan kecekapan pelaksanaan agihan.

Kata kunci: integriti, bantuan kewangan dan pelan anti-rasuah 2019-2023

Abstract: *In line with the roles of government in administering the state affairs, integrity of the government agencies served as a driving force to achieve development goals. Thus, in realising the aspiration of sustainable development, integrity is selected as one of the indicators for the government dimension in the proposed Islamic Sustainable Development Index. Three aspects of integrity have been found namely truthfulness, trustworthiness, and responsible. Based on these elements, this article aims to analyse the implementation of integrity in financial assistance distribution by the federal government agencies. However, how the integrity of financial assistance distribution conducted by the agencies of federal government can be recognised? In order to fulfil this aim, this article will firstly identify agencies of the federal government that involves in the distribution of financial assistance in Malaysia. Subsequently, discussion will be focused on the analysis of integrity applications by the agencies based on the National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019-2023. Analysis is conducted using conventional content analysis based on the related documents. This article found that the distribution of financial assistance among federal government agencies in Malaysia does not involve the issue of leakage of funds but rather related to the process, duration and efficiency of distribution. Therefore, there is still a room for improvement for these agencies via the enforcement of NACP by employing the four elements of integrity in Islam.*

Key Words: *Integrity, Financial Assistance, National Anti-Corruption Plan*

Pengenalan

Integriti merupakan isu global yang telah berakar umbi dalam setiap institusi sama ada awam mahupun swasta sejak kian lama. Isu integriti dianggap sebagai salah satu cabaran dalam pembangunan dan kemajuan negara yang kian meningkat. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak bagi meningkatkan integriti dalam kalangan semua kakitangan awam dan swasta. Beberapa dasar dan polisi yang berkaitan dengan integriti mula dilancarkan seperti kempen Bersih, Cekap dan Amanah pada 1982, kempen Kepimpinan Melalui Teladan pada 1983, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam pada 1985, Etika Kerja Islam pada 1987, Budaya Kerja Cemerlang pada 1989, Anugerah Kualiti pada 1990, Piagam Pelanggan pada 1993, e-kerajaan dan MS ISO 9000 pada 1996, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada 2002, petunjuk prestasi utama (KPI) dan Islam Hadhari pada 2005 dan lain-lain langkah lagi. Isu integriti juga menunjukkan kepincangan dalam setiap pentadbiran dalam institusi awam dan swasta.

Dalam menghadapi isu integriti yang secara umumnya dipandang negatif oleh kebanyakan pihak, pelbagai inisiatif telah dilakukan. Pada 29 Januari 2019, Perdana Menteri Malaysia, Tun Mahathir Mohamad telah melancarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam merealisasikan manifesto kerajaan ke arah negara bebas rasuah dan berintegriti. Pelan Antirasuah Nasional bertemakan “Memecah Rantaian Rasuah” merupakan pelan yang dibangunkan oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah, Jabatan Perdana Menteri (GIACC) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain.

Bantuan kewangan merupakan salah satu bentuk bantuan yang dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan di bawah kementerian yang telah ditetapkan. Kebiasaannya bantuan kewangan diagihkan kepada golongan yang berfokus bagi membantu golongan tersebut dalam menjalani kehidupan mereka. Selain itu, bantuan kewangan juga bertujuan untuk membantu dalam mengatasi masalah peningkatan kos sara hidup golongan berpendapatan rendah. kebanyakan bantuan kewangan diberi kepada golongan yang layak berdasarkan ketetapan yang dibuat oleh pihak kerajaan dan kementerian-kementerian tertentu untuk pengagihan bantuan tersebut. Walau bagaimanapun, bagaimanakah pengagihan bantuan kewangan itu dilaksanakan oleh

pihak kerajaan? Sejauhmanakah ketetapan permohonan bantuan kewangan dapat memenuhi syarat-syarat bagi penerima bantuan tersebut? dan bagaimanakah ketelusan dalam tindakan dan pemilihan bagi penerima bantuan kewangan tersebut? Bagi meneliti aspek ini dengan lebih lanjut, artikel ini berhasrat untuk menganalisis integriti dalam agihan bantuan kewangan kerajaan persekutuan di Malaysia. Berdasarkan analisis ini, kesimpulan terhadap integriti dalam agihan bantuan kewangan oleh kerajaan persekutuan ini berdasarkan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023.

Integriti

Integriti berasal dari perkataan Latin *integer* yang bermaksud keutuhan atau kesempurnaan (Michael E. Palanski & Francis J. Yammarino, 2007). Integriti boleh ditakrifkan sebagai pengetahuan, kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh terhadap nilai-nilai murni secara berterusan. Ianya disertai dengan komitmen sepenuhnya terhadap nilai-nilai tersebut dalam setiap perkataan dan tindakan bagi mencapai kecemerlangan diri dan organisasi (Jamiah Manap, Azimi Hamzah, Ezhar Tamam, Sidek Mohd. Noah, Amini Amir Abdullah, Norizan Yahaya, Halimah Alma Othman dan Hanina Halimatus Saadiah Hamsatun, 2007). Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, integriti beerti kejujuran. Stanford Encyclopedia of Philosophy (2013) mengklasifikasikan istilah integriti kepada empat perspektif iaitu ketekalan nilai peribadi, komitmen terhadap nilai peribadi, komitmen terhadap komuniti dan akhir sekali komitmen terhadap nilai-nilai murni. Integriti menurut Mustafar Ali (2006) sebagai satu kualiti dan ciri positif yang wujud dan mengandungi unsur “*wholeness*” secara bersepadu pada individu dan organisasi. Integriti dalam akhlak Islam menurut beliau adalah bersesuaian dengan sifat-sifat seperti benar, amanah, setia, keteguhan pegangan, keteguhan dan kemuliaan peribadi, mukmin yang bertaqwa dan sebagainya yang membawa kepada nilai-nilai akhlak yang ditunjukkan dalam diri Rasulullah SAW.

Megat Ayop Megat Arifin dan Abd. Halim Ahmad (2016) memperincikan strategi pemantapan integriti kepada empat iaitu yang pertama maksud integriti itu sendiri. Kedua ialah integriti individu. Ketiga ialah integriti penjawat awam manakala keempat ialah integriti organisasi. Strategi yang pertama iaitu maksud integriti itu sendiri, beliau memberi takrifan bahawa integriti itu secara umumnya ialah kualiti unggul yang wujud secara menyeluruh dan bersepadu dalam diri individu dan organisasi. Ianya berkait rapat dengan etika. Selain itu strategi kedua iaitu integriti individu, ia merupakan keselarasan antara perkataan dan tindakan individu mengikut prinsip moral, etika dan undang-undang serta di antara kepentingan diri dan kepentingan umum. Strategi ketiga iaitu integriti penjawat awam pula, seseorang yang bertindak dengan amanah berdasarkan kuasa dan tugas yang diberikan, telus, tulus, tiada konflik peribadi, berwibawa, akauntabiliti, mematuhi undang-undang dan peraturan tidak kira jawatan apa yang diamanahkan kepadanya. Akhir sekali, strategi keempat iaitu integriti organisasi, penghayatan di peringkat organisasi dijelmakan melalui bentuk pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan, sistem dan proses melakukan kerja serta pematuhan terhadap amalan terbaik. Kod tersebut ditegaskan, diulang dan dihayati sehingga menjadi budaya dalam sesebuah organisasi. Justeru, sekiranya penjawat awam tersebut mempunyai integriti yang terbaik, maka integriti organisasi terbabit juga turut meningkat.

Penguatan integriti dapat dilaksanakan melalui pendekatan nilai-nilai murni. Menurut Othman Mustapha (2012) antara pendekatan tersebut adalah melalui penghayatan terhadap nilai amanah, penghayatan terhadap konsep ihsan, penghayatan terhadap kerja merupakan satu ibadah, perghayatan terhadap nilai *qana'ah* serta pemeraksanaan iman melalui program ibadah. Pembentukan diri untuk menjadi seorang insan yang berintegriti bukan suatu perkara yang mudah. Namun begitu, ianya merupakan tanggungjawab bersama untuk dipikul jika ingin

melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni dan negara yang bebas dari salah laku nilai moral. Justeru, integriti merupakan perkara penting yang perlu diamalkan dan dihayati serta menjadi budaya dan amalan dalam setiap individu dalam kehidupan seharian.

Di Malaysia, kerajaan telah lama memperkenalkan beberapa dasar dan polisi untuk menerapkan perkhidmatan awam yang lebih berkualiti dan berintegriti antaranya kempen Bersih, Cekap dan Amanah pada tahun 1982, kempen Kepimpinan Melalui Teladan pada tahun 1983, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam pada tahun 1985, Etika Kerja Islam pada tahun 1987. Selain itu, kerajaan juga telah melancarkan Budaya Kerja Cemerlang pada tahun 1989, Anugerah Kualiti pada tahun 1990, Piagam Pelanggan pada tahun 1993, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2002, Islam Hadhari pada tahun 2005 dan sebagainya. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) juga telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan pada 24 Julai 2013. Pekeliling tersebut adalah mengenai penubuhan Unit Integriti (UI) di setiap agensi awam. UI merupakan unit yang ditubuhkan di semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan atau di peringkat negeri. UI berperanan dalam mengurus dan melaksanakan inisiatif penginstitutionan integriti, pencegahan, pematuhan, pengesanan salah laku dan tindakan punitif secara lebih terfokus, terancang, efisien dan optimum (Muzaffar Syah Mallow, 2016).

Selain itu, kepentingan integriti juga dapat dilihat melalui komitmen kerajaan yang mewujudkan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Institut Integriti Malaysia (IIM) dalam usaha untuk menyahut cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri moral dan etikanya dengan warganya yang mempunyai agama dan kerohanian yang utuh serta ditunjangi budi pekerti yang luhur. Pembentukannya berdasarkan semangat dan prinsip Perlembagaan Persekutuan serta menyerap falsafah dan prinsip Rukun Negara (Mohd Sidek Hassan, 2007).

PIN telah dilancarkan pada 23 April 2004 oleh mantan Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Ia merupakan satu langkah dalam memastikan integriti menjadi komponen penting dalam diri setiap rakyat (Institut Integriti Malaysia, 2017). Ia merupakan pelan induk yang bertujuan untuk menetapkan hala tuju dan bimbingan kepada semua sektor agar dapat bekerjasama untuk membina masyarakat yang bermoral, beretika dan berintegriti (Mohd Sidek Hassan, 2007). Institut Integriti Malaysia (IIM) pula telah ditubuhkan pada tahun 2004 untuk menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan PIN (Institut Integriti Malaysia, t.t). Pada Januari 2019, PIN telah digantikan dengan Pelan Anti Rasuah Negara yang visinya untuk mewujudkan negara yang bebas dari rasuah.

Institut integriti yang terdapat di Malaysia antaranya ialah Institut Integriti Negeri Pulau Pinang (IINPPI), Institut Integriti dan Strategik Terengganu (TSIS), Institut Pengurusan dan Integriti Negeri Kedah (INSPIN), Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM) dan Institut Integriti Kepimpinan dan Latihan Semangat Dato' Onn (IKLAS) di Johor.

IINPPI merupakan milik penuh kerajaan negeri Pulau Pinang. Institut tersebut terletak di Jalan Scotland, Georgetown, Pulau Pinang. Ia telah ditubuhkan pada 12 Oktober 2006 bertujuan bagi melengkapkan usaha-usaha pelaksanaan PIN di peringkat negeri. IINPPI bertekad untuk menjadi sebuah institusi yang berwibawa dan dihormati dalam membudayakan integriti dalam kehidupan masyarakat. Budaya dan nilai organisasi yang diamalkan adalah integriti, kualiti, semangat kerjasaman dan keterbukaan. Antara fungsinya termasuklah membangunkan pengkalan data tentang integriti dan etika, pengendalian penyelidikan yang berkaitan dengan institusi dan masyarakat serta penganjuran persidangan, seminar dan forum.

TSIS pula merupakan sebuah badan korporat hasil gabungan dua buah agensi iaitu Institut Integriti Negeri Terengganu dan *Terengganu Development Institute*. Institusi yang terletak di Jalan Kemajuan, Kuala Terengganu itu telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2011 dengan visinya untuk menjadi institusi pemangkin integriti dan pemikir yang bertaraf antarabangsa. Antara tujuan penubuhannya adalah penganjuran program keilmuan dan kepimpinan yang boleh memberikan manfaat kepada pentadbir serta masyarakat, mewujudkan rangkaian perkongsian dengan agensi contoh, institusi pengajian tinggi, golongan profesional, tokoh pemikir serta memperkukuh jaringan antarabangsa menerusi kerjasama dengan institusi antarabangsa selaras dengan moto TSIS iaitu menjana integriti dan pengetahuan baru ke arah mentransformasikan negeri Terengganu.

Selain itu, INSPIN atau sebelum ini dikenali sebagai Institut Pengurusan Kedah (KIM) adalah terletak di Kompleks INSPIN, Alor Setar. Ia merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Kedah. INSPIN telah ditubuhkan pada 29 Ogos 1999 susulan daripada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri tersebut yang berhasrat untuk menubuh dan mengendalikan sebuah institut latihan. Tujuannya untuk pembangunan latihan anggota pentadbiran awam negeri dan rakyat di negeri berkenaan secara lebih teratur, berwawasan serta komprehensif. Disebabkan KIM diperkembangkan dengan program-program integriti, maka KIM telah ditukarkan namanya kepada INSPIN.

INSPIM pula terletak di Taman Bachang Jaya, Melaka. Ia merupakan sebuah agensi Kerajaan Negeri Melaka yang telah diberikan kepercayaan untuk merancang serta melaksanakan pelbagai program latihan pembudayaan serta pemantapan integriti dalam membangunkan modal insan. Tiga fokus utama latihan berkenaan adalah menawarkan program latihan umum melalui penganjuran seminar, simposium, persidangan, kursus dan forum. Fokus kedua adalah menawarkan penganjuran program latihan mengikut kepada kesesuaian jabatan, agensi atau organisasi. Manakala fokus ketiga ialah menjalinkan kepelbagaian bentuk dan usahasama atau perkongsian strategik melalui rakan strategik latihan dan rakan strategik integriti INSPIM. INSPIM berhasrat untuk menjadi agensi latihan induk di negeri berkenaan yang menjadi tumpuan pelbagai sektor dan komuniti untuk penjaan ilmu.

Akhir sekali IKLAS yang terletak di Taman Nong Chik, Johor Bahru merupakan sebuah agensi di bawah Pejabat Exco Belia, Sukan dan Kebudayaan Negeri Johor. Visinya adalah untuk memperkasa pembangunan anak muda bangsa Johor. IKLAS menyediakan khidmat latihan yang memberi tumpuan kepada rakyat Johor secara amnya dan kepada kumpulan belia secara khususnya.

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa institusi integriti di Malaysia merupakan institusi yang berperanan dalam memerangi segala salah laku yang berkaitan dengan pecah amanah, rasuah dan sebagainya. Oleh itu, institusi integriti ini penting di Malaysia supaya integriti dalam kalangan penjawat awam mahupun swasta dapat dikurangkan dan memerangi masalah ini secara berterusan.

Skim Bantuan Kewangan Di Malaysia

Di Malaysia, pemberian skim bantuan kewangan dilaksanakan oleh pihak kerajaan iaitu kerajaan persekutuan melalui kementerian dan agensi kerajaan yang lain. Skim bantuan kewangan yang di kenal pasti adalah di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Kementerian Kewangan yang diagihkan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Skim Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat

Di bawah konsep ‘Masyarakat Penyayang’ kerajaan Malaysia telah membangunkan banyak program kebajikan dan ada antaranya telah wujud zaman kolonial. Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertanggungjawab untuk mentadbir kebanyakan program bantuan kewangan persekutuan (Ong & Tengku Aizan, 2010). Bantuan di bawah bidang kuasa JKM terbahagi kepada perkhidmatan institusi dan bukan institusi. Perkhidmatan bukan institusi diberikan dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan. Sebanyak 11 jenis skim bantuan kewangan yang disalurkan oleh JKM dan mempunyai kelayakan dan ketetapan yang berbeza-beza.

Tujuan utama bantuan kewangan adalah untuk meringankan beban buat sementara waktu individu serta keluarga dan menggalakkan kumpulan sasar yang masih produktif supaya kembali bekerja dan mampu berdikari (Portal JKM). Sebagai contoh, skim bantuan kanak-kanak diperkenalkan bagi membantu kanak-kanak miskin agar memastikan kehidupan kanak-kanak bersama keluarga dan melalui perkembangan kehidupan mereka dengan lebih baik. Bantuan kanak-kanak diberi sebanyak RM100 untuk setiap kanak-kanak dan maksimum RM450 bagi keluarga yang mempunyai anak melebihi 4 orang. Bantuan ini dapat membantu dan meringankan beban keluarga. Senarai skim bantuan kewangan kerajaan persekutuan yang disalurkan melalui JKM adalah seperti berikut:

- Bantuan Kanak-Kanak (BKK)
- Bantuan Anak Pelihara (BAP)
- Bantuan Orang Tua (BOP)
- Elaun Pekerja Cacat (EPC)
- Bantuan Latihan Perantis (BLP)
- Bantuan Am (BA) bagi Wilayah Persekutuan dan Labuan
- Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya (OKU) Terlantar dan Pesakit Kronik (BPT)
- Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU) Tidak Berupaya Berkerja (BTB)
- Bantuan Alat Tiruan/Sokongan (BAT/S)
- Bantuan Geran Pelancaran (GP)
- Tabung Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas (TSBB)
- Tabung Bantuan Segera (TBS)

Syarat kelayakan bagi bantuan-bantuan tersebut ialah warganegara dan bermastautin di Malaysia. Pendapatan keluarga tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa dan tergolong dalam kumpulan tidak berkemampuan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

Berdasarkan data yang diperoleh daripada JKM, empat skim bantuan yang mempunyai penerima terbanyak ialah skim Bantuan Orang Tua, Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Am dan Elaun Pekerja Cacat. Dari 2009 hingga 2012, selaras dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP), skim bantuan kewangan JKM telah berkembang dengan peningkatan signifikan dari segi jumlah penerima dan peruntukan bantuan. Ini adalah selaras dengan bidang keempat dalam bidang keberhasilan utama negara (NKRA), iaitu meningkat tahap hidup isi rumah berpendapatan rendah sekali gus keluar dari kepompong kemiskinan. Data yang disediakan merangkumi penerimaan semua skim bantuan kewangan dari tahun 2008 hingga 2016. Dianggarkan 1.6 peratus daripada penduduk Malaysia yang menerima faedah secara langsung daripada skim bantuan kewangan JKM.

Statistik Penerimaan Bantuan JKM 2008-2013

| SKIM | 2008 | | 2009 | | 2010 | | 2011 | | 2012 | | 2013 | |
|-----------------------|----------|-------------|----------|-------------|----------|---------------|----------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| | Bil. Kes | RM | Bil. Kes | RM | Bil. Kes | RM | Bil. Kes | RM | Bil. Penerima | RM | Bil. Penerima | RM |
| BKK | 37,239 | 91,853,702 | 66,912 | 167,977,282 | 92,636 | 290,058,438 | 98,848 | 315,752,198 | 107,166 | 326,962,202 | 99,771 | 327,842,459 |
| BOT | 31,042 | 78,090,700 | 99,399 | 228,176,605 | 120,496 | 422,456,600 | 135,217 | 477,844,100 | 152,138 | 519,297,450 | 142,124 | 540,081,900 |
| BAP | 221 | 293,740 | 140 | 439,600 | 181 | 526,650 | 162 | 544,900 | 1,202 | 1,146,630 | 171 | 932,895 |
| EPC | 24,761 | 58,688,900 | 35,084 | 103,725,000 | 44,679 | 146,070,900 | 53,063 | 175,696,800 | 60,502 | 200,773,005 | 65,372 | 230,303,300 |
| BA | 107,979 | 130,446,802 | 105,228 | 200,864,239 | 113,059 | 223,760,105 | 115,934 | 242,413,756 | 124,207 | 251,431,834 | 115,694 | 267,281,251 |
| GP | 484 | 1,215,194 | 598 | 1,490,540 | 643 | 1,572,710 | 430 | 1,086,360 | 1,021 | 2,589,271 | 900 | 1,226,766 |
| BENCANA | 6,440 | 2,409,159 | 14,232 | 5,967,203 | 9,820 | 4,682,801 | 15,796 | 5,590,246 | | | | |
| AT | 1,131 | 2,317,819 | 1,271 | 2,502,228 | 1,533 | 2,923,240 | 910 | 1,717,757 | 2,400 | 6,208,493 | 2,905 | 4,708,289 |
| BPT | 3,594 | 3,736,800 | 17,297 | 39,684,450 | 24,332 | 81,186,300 | 27,882 | 93,739,500 | 29,445 | 101,990,395 | 28,417 | 103,738,891 |
| Latihan Apperantis | 914 | 394,627 | 1,342 | 374,200 | 229 | 173,200 | 301 | 284,700 | 2,230 | 6,029,553 | 177 | 644,500 |
| Sekolah | 7,797 | 1,767,497 | 6,177 | 2,535,166 | | | | | | | | |
| BTB | | | 6,209 | 5,065,050 | 16,918 | 22,044,000 | 25,385 | 38,068,800 | 33,755 | 55,636,020 | 37,545 | 65,551,920 |
| Jumlah | 221,602 | 371,214,940 | 353,889 | 758,801,563 | 424,526 | 1,195,454,944 | 473,928 | 1,352,739,117 | 514,066 | 1,472,064,853 | 493,076 | 1,542,312,172 |

Sumber: JKM 2014

Statistik Penerimaan Bantuan JKM, 2014-2016

| Skim Scheme | 2014 | | 2015 | | 2016 | |
|---------------------|-----------------------------------|--------------------|-----------------------------------|--------------------|-----------------------------------|--------------------|
| | Bil. Penerima No. of recipient | RM'000 RM'000 | Bil. Penerima No. of recipient | RM'000 RM'000 | Bil. Penerima No. of recipient | RM'000 RM'000 |
| BKK | 89,712 | 279,323.6 | 83,570 | 259,371.4 | 75,439 | 246,032.2 |
| BOT | 142,032 | 500,401.9 | 141,493 | 502,171.1 | 133,352 | 497,560.6 |
| BAP | 1,529 | 1,538.2 | 221 | 1,453.6 | 510 | 1,619.9 |
| EPC | 70,661 | 243,268.2 | 74,324 | 305,036.3 | 73,056 | 313,375.0 |
| BA | 113,147 | 258,701.6 | 110,794 | 248,541.2 | 101,823 | 246,786.8 |
| GP | 1,149 | 3,768.4 | 1,196 | 4,137.6 | 1,578 | 5,345.7 |
| BENCANA | | | | | | |
| AT | 1,830 | 2,747.6 | 1,412 | 2,729.4 | 1,323 | 2,425.8 |
| BPT | 28,046 | 97,783.9 | 25,978 | 95,937.1 | 24,193 | 91,756.3 |
| LATIHAN APPERANTIS | 178 | 1,144.4 | 159 | 600.4 | 136 | 612.3 |
| BTB | 44,323 | 72,840.6 | 48,038 | 109,622.7 | 50,912 | 123,710.7 |
| Jumlah/Total | 492,607 | 1,461,518.4 | 487,185 | 1,529,600.6 | 462,322 | 1,529,225.5 |

Sumber: JKM 2017

Pengagihan bantuan JKM juga mempunyai masalah apabila berlaku peningkatan umur, pertukaran skim bantuan dan bantuan yang tidak diterima terus oleh penerima bantuan. Berdasarkan pernyataan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Puan Hannah Yoeh terdapat 22,430 kes yang melibatkan kelayakan penerimaan bantuan JKM. Namun, 15,823 kes telah disiasat dan ditemuduga bagi peneriman bantuan JKM. Ketua Menteri Melaka, YB Adly bin Zahari menyatakan bahawa pengagihan bantuan kewangan perlu disalurkan terus ke dalam akaun bank. Hal ini adalah kerana untuk mengelakkan daripada kelewatan penerimaan bantuan tersebut dan memudahkan pengagihan bantuan kewangan kepada penerima.

Skim Bantuan Kementerian Kewangan Malaysia

Kementerian kewangan mula melaksanakan Skim Bantuan Kewangan dengan memperkenalkan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pada tahun 2012 untuk membantu meringankan beban peningkatan kos sara hidup dalam kalangan kumpulan 40 peratus terendah (*Bottom, 40*). Walaupun bantuan kewangan lebih tepat sasarannya, namun ia dipengaruhi oleh kadar inflasi. Tambahan pula, memandangkan penerima yang membuat keputusan tentang bagaimana bantuan tersebut digunakan. Bantuan rakyat 1Malaysia atau dikenali sebagai BR1M merupakan salah satu inisiatif bantuan yang dilaksanakan dibawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia iaitu Dato' Seri Najib Tun Razak pada Disember 2011. Dato' Seri Najib Tun Razak (2012) menyatakan bahawa proses pengagihan BR1M pada permulaannya adalah hasil pendapatan cukai yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebanyak RM26 juta (PEMANDU, 2012). BR1M mula diagihkan pada tahun 2012 yang memanfaatkan 4.7 juta isi rumah dan 2.7 juta individu bujang dari seluruh Malaysia. Untuk permulaan pengagihan BR1M, polisi pembayarannya adalah secara sekali gus (*one off*) untuk isi rumah berpendapatan RM3,000 ke bawah manakala individu bujang yang berumur 21 ke atas dengan pendapatan tidak melebihi RM2,000 sebulan dengan nilai bantuan BR1M sebanyak RM250 bagi setiap individu (PEMANDU, 2012).

Bantuan kewangan ini dilaksanakan dari tahun 2012 sehingga 2018 dan diteruskan pula pada tahun 2019 dengan skim bantuan kewangan yang baru yang dikenali sebagai Bantuan Sara Hidup (BSH) yang juga dilaksanakan di bawah kementerian kewangan. Jadual di bawah akan bantuan pada setiap tahun dan jumlah yang diberikan kepada penerima bantuan.

Program Bantuan Kementerian Kewangan (BR1M dan BSH)

| Nama Bantuan | Sasaran | Kriteria | Manfaat | Nota |
|---------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| BR1M (2012) | <ul style="list-style-type: none"> • Isi rumah berpendapatan rendah | <ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan isi rumah RM3000 dan ke bawah | <ul style="list-style-type: none"> • RM500 setahun | <ul style="list-style-type: none"> • Tahun 2012 • Perbelanjaan RM2089 juta • Penerima: 5.2 juta orang |
| BR1M 2.0 (2013) | <ul style="list-style-type: none"> • Isi rumah dan individu berpendapatan rendah | <ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan isi rumah RM3000 dan ke bawah • Individu bujang berpendapatan RM2000 dan kebawah | <ul style="list-style-type: none"> • Isi rumah: RM500 setahun • Individu bujang RM250 | <ul style="list-style-type: none"> • Tahun 2013 • Perbelanjaan RM3000 juta • Penerima: Isi rumah 4.3 juta; individu bujang 2.7 juta |

| | | | | |
|-----------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| BRIM 3.0 (2014) | <ul style="list-style-type: none"> • Isi rumah dan individu berpendapatan rendah | <ul style="list-style-type: none"> • Warganegara • Pendapatan Isi rumah RM4000 dan ke bawah • Warga emas (60 tahun ke atas) tunggal berpendapatan RM4000 dan ke bawah • Individu bujang 21 tahun ke atas berpendapatan RM2000 dan kebawah dan tidak menerima baucer buku | <ul style="list-style-type: none"> • Isi rumah dan warga emas tunggal berpendapatan kurang RM3000: Tunai RM650 & premium insuran RM50 • Isi rumah & warga emas berpendapatan RM3000- RM4000: Tunai RM450 & premium insurans RM50 • Individu berumur antara 21-59 berpendapatan kurang RM2000: Tunai RM300 | <ul style="list-style-type: none"> • iBRIM menyediakan insuran sehingga RM30,000 untuk kematian dan kecacatan kekal disebabkan kemalangan • Perbelanjaan 4.5 Billion • Penerima: 7.5 juta |
| BRIM 4.0 (2015) | <ul style="list-style-type: none"> • Isi rumah dan individu berpendapatan rendah | <ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan Isi rumah kurang RM4000 • Warga emas (60 tahun ke atas) tunggal berpendapatan kurang RM4000 • Individu bujang 21 tahun ke atas berpendapatan kurang RM2000 dan tidak menerima baucer buku | <ul style="list-style-type: none"> • Isi rumah berpendapatan RM3000 dan kebawah; Tunai RM950 • Isi rumah berpendapatan antara RM3,000-4,000 ;Tunai RM800 • Individu berumur antara 21-59berpendapatan RM2000 dan ke bawah: ;Tunai RM350 • BRIM Bereavement Scheme – RM1000 | <ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan: 4.6 billion • Penerima: 7.9 juta |
| BRIM 5.0 (2016) | <ul style="list-style-type: none"> • Isi rumah dan individu berpendapatan rendah | <ul style="list-style-type: none"> •Pendapatan Isi rumah kurang RM4000 •Warga emas (60 tahun ke atas) tunggal berpendapatan kurang RM4000 •Individu bujang 21 tahun ke atas berpendapatan kurang RM2000 dan tidak menerima baucer buku | <ul style="list-style-type: none"> • Isi rumah di bawah e-kasih atau berpendapatan RM1000 dan ke bawah ; Tunai RM1,050 • Isi rumah berpendapatan RM3,000 dan kebawah ; Tunai RM 1,000 • Isi rumah berpendapatan antara RM3,000-4,000;Tunai RM800 • Individu berumur antara 21-59 berpendapatan RM2000 dan ke bawah: Tunai RM1,050 • BRIM Bereavement Scheme – RM1000 | <ul style="list-style-type: none"> •Perbelanjaan: 5.9 billion •Penerima: 4.7 juta isi rumah dan 2.7 juta individu bujang |

| | | | | |
|--------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| BRIM 6.0 (2017) | <ul style="list-style-type: none"> • Isi rumah dan individu berpendapatan rendah (B40) | <ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan Isi rumah kurang RM4000 • Warga emas (60 tahun ke atas) tunggal berpendapatan kurang RM4000 • Individu bujang 21 tahun ke atas berpendapatan kurang RM2000 dan tidak menerima baucer buku | <ul style="list-style-type: none"> • Isi rumah di bawah e-kasih atau berpendapatan RM1000 dan ke bawah ; Tunai RM1,200 • Isi rumah berpendapatan RM3,000 dan ke bawah ; Tunai RM 1,200 • Isi rumah berpendapatan antara RM3,000-4,000; Tunai RM900 • Individu berumur antara 21-59 berpendapatan RM2000 dan ke bawah: Tunai RM450 • BRIM Bereavement Scheme – RM1000 | <ul style="list-style-type: none"> • RM6.8 bil diperuntukkan untuk faedah 7 juta penerima • Diagihkan sebanyak 3 kali |
| BRIM 7.0 (2018) | <ul style="list-style-type: none"> • Isi rumah dan individu berpendapatan rendah (B40) | <ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan Isi rumah kurang RM4000 • Warga emas (60 tahun ke atas) tunggal berpendapatan kurang RM4000 • Individu bujang 21 tahun ke atas berpendapatan kurang RM2000 dan tidak menerima baucer buku | <ul style="list-style-type: none"> • Isi rumah di bawah e-kasih atau berpendapatan RM1000 dan ke bawah ; Tunai RM1,200 • Isi rumah berpendapatan RM3,000 dan ke bawah ; Tunai RM 1,200 • Isi rumah berpendapatan antara RM3,000-4,000; Tunai RM900 • Individu berumur antara 21-59 berpendapatan RM2000 dan ke bawah: Tunai RM450 • BRIM Bereavement Scheme – RM1000 | <ul style="list-style-type: none"> • Diagihkan sebanyak 3 kali |
| BSHR (2019) | <ul style="list-style-type: none"> • Isi rumah dan individu berpendapatan rendah (B40) | <ul style="list-style-type: none"> • Warganegara yang menetap di Malaysia sahaja • Lelaki atau wanita yang menjadi ketua keluarga dan bekerja di Malaysia dengan jumlah pendapatan kasar bulanan isi rumah RM 4,000 dan ke bawah. | <ul style="list-style-type: none"> • Isi rumah berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah akan menerima bantuan berjumlah RM1,000. • Isi rumah berpendapatan bulanan dari RM2,001 hingga RM3,000 ke bawah akan menerima bantuan berjumlah RM750. • Isi rumah berpendapatan bulanan dari RM3,001 hingga RM4,000 akan menerima bantuan berjumlah RM500. | <ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan RM 5Billion • Penerima: 4.1 juta |

| | | | | |
|--|--|--|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|
| | | | <ul style="list-style-type: none"> • Kadar tambahan sebanyak RM120 untuk setiap anak berumur 18 tahun ke bawah tetapi terhad kepada 4 orang, kecuali anak kurang upaya yang tidak dihadkan umur. • Individu Bujang: Tunai RM100 | |
|--|--|--|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|

Sumber: Halaman sesawang dan maklumat daripada pelbagai kementerian & The Star (22 Oktober, 2016); NST (22 Oktober, 2016)

Berdasarkan jadual di atas, jadual menunjukkan pengagihan BR1M dan BSHR yang bermula pada tahun 2012 sehingga 2019. Setiap tahun menunjukkan peningkatan dalam jumlah bantuan yang diberikan oleh pihak kementerian kewangan kepada golongan berpendapatan rendah. Pengagihan kedua-dua bantuan juga menunjukkan kelemahan dalam sistem kecekapan dan proses pengagihan. Pengagihan bantuan ini lebih menekankan kepada aspek jangka masa pendek dalam penggunaan bagi isi rumah untuk mengatasi kos sara hidup, tetapi tidak untuk jangka masa panjang (Hilal Azmi, 2016). Hal ini kerana setiap tahun ekonomi negara akan berubah seiring dengan perubahan pentadbiran kerajaan persekutuan¹. Selain itu, kurang penjelasan dari pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berkenaan dengan kemaskini permohonan pada setiap tahun yang menyebabkan penerima tidak dapat menerima bantuan tersebut. Sebagai contoh isu pengkreditan BSHR pada fasa kedua bulan Mei 2019 tidak dapat dikreditkan akaibut daripada nombor akaun yang tidak sama dengan permohonan. Permohonan terkini perlu disertakan nombor akaun isteri dan bantuan akan dikreditkan kepada akaun isteri (Sinar Harian, Mei 2019). Hal ini menunjukkan kurang penjelasan dan pendedahan dari pihak LHDN kepada pemohon-pemohon bantuan BSHR tersebut.

Skim Bantuan Kewangan Kerajaan Persekutuan Berdasarkan Pelan Antirasuah 2019-2023

Berdasarkan perbincangan di atas kedua-dua skim bantuan di bawah kerajaan persekutuan menunjukkan kesan baik dan mampu membantu golongan-golongan yang memerlukan. Kedua-dua skim bantuan ini memberi fokus kepada bantuan dari sudut kewangan kepada golongan yang memerlukan. Setiap bantuan yang diberikan berdasarkan peringkat ekonomi kerajaan persekutuan. Setiap tahun, kajian dilakukan bagi mengenal pasti bantuan yang disalurkan kepada yang layak menerima bantuan tersebut.

Bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat, penelitian dalam masalah pengagihan bantuan adalah lebih kepada pengagihan tunai itu sendiri kepada penerima bantuan. Selain itu, kecekapan dalam sistem pengagihan tunai sama ada pengagihan terus kepada penerima atau disalurkan terus ke dalam akaun bank penerima. Hal ini adalah untuk mengelakkan berlaku kelewatan atau penerima tidak menerima bantuan tersebut. Bagi Kementerian Kewangan dengan kerjasama LHDN dalam pengagihan bantuan kewangan lebih memberi kesan dalam kelayakan dan permohonan kepada bantuan tersebut. Permohonan bantuan kewangan BR1M mahupun BSHR sering menjadi masalah apabila kurang penjelasan dan pendedahan oleh pihak LHDN kepada

¹ Pernyataan yang dibuat oleh Timbalan Presiden Persatuan-Persatuan Pengguna FOMCA Malaysia iaitu Mohamad Yusof bersama Malaysia Digest (14 Julai 2015) dan dikeluarkan oleh Utusan Online.

pemohon yang menyebabkan permohonan bantuan tersebut menjadi tergantung dan tidak dapat menerima bantuan tersebut.

Penambahbaikan dalam pelaksanaan pengagihan skim bantuan kewangan berdasarkan pelan antirasuan nasional 2019-2023 (NACP) adalah dengan empat perkara. Pertama meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti kerajaan berasaskan tadbir urus yang baik. Kedua, mewujudkan persekitaran perniagaan atau urus niaga yang bersih. Ketiga, kecekapan dan responsif dalam penyampai pekhidmatan. Keempat, integriti dalam pengurusan perniagaan dan urus niaga (NACP, 2019-2023). JKM dan Kementerian kewangan serta LHDN boleh menggunakan empat inisiatif dalam meningkat kecekapan dalam pentadbiran dan pengagihan bantuan kewangan supaya dapat mengelakkan masalah yang timbul dalam proses permohonan dan pengagihan bantuan tersebut.

Selain itu, NACP 2019-2023 juga mempunyai enam strategi utama berkaitan dengan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban sektor politik, pentadbiran awam, perolehan awam, penguatkuasaan undang-undang, perundangan dan kehakiman dan tadbir urus entiti koprrat di Malaysia. Enam strategi NACP 2019-2023 ini mempunyai objektif masing-masing, namun bagi tujuan pelaksanaan dan pengagihan skim bantuan kewangan ini di bawah bidang keutamaan pentadbiran sektor awam, di mana objektifnya adalah merekayasa perkhidmatan awam ke arah tadbir urus baik. Dalam proses pentadbiran, pelaksanaan dan pengagihan skim bantuan kewangan, pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil inisiatif dalam tindakan yang dilakukan supaya berintegriti, cekap dan amanah dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan.

Usaha dari segi teknologi yang dilakukan oleh NACP 2019-2023 juga boleh diterapkan sebagai langkah memudahkan urusan dalam pelaksanaan dan pengagihan skim bantuan kewangan. Antaranya, dari sudut pendigitalan maklumat dan hebahan yang boleh digunakan dalam penjelasan dan permohonan skim bantuan kewangan, di mana teknologi pendigitalan menjadikan sistem mempunyai kebolehcapaian, telus dan selamat dari segi kehilangan data dan sebagainya. Selain itu, platform media sosial juga penting supaya dapat menggalakan interaksi antara orang awam dan pihak kerajaan dalam apa jua masalah yang dihadapi lebih-lebih lagi melibatkan permohonan skim bantuan kewangan. Dalam usaha meningkatkan integriti pihak yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan dan pengagihan skim bantuan kewangan ini, NACP 2019-2023 merupakan satu usaha kerajaan Malaysia bagi melancarkan proses pentadbiran awam dan peningkatkan integriti dan ketelusan semua pihak demi kesejahteraan masa depan.

Kesimpulan

Secara rumusnya, pengagihan skim bantuan kewangan JKM dan Kementerian Kewangan adalah secara tunai tetapi kriteria golongan penerima adalah berbeza berdasarkan ketetapan dan matlamat pengagihan bantuan tersebut. Pelaksanaan dan pengagihannya menjelaskan bahawa masih ramai golongan yang memerlukan bantuan daripada pihak kerajaan. Namun begitu, pelaksanaan dan pengagihan skim bantuan kewangan perlu diteruskan dengan peningkatan tadbir urus yang baik oleh pihak bertanggungjawab supaya bantuan tersebut dapat dilaksanakan dan diagih dengan lebih baik. Skim bantuan kewangan ini penting untuk rakyat bagi meneruskan kehidupan dengan lebih sempurna seiring dengan kemajuan negara yang semakin berkembang. Oleh itu, integriti, ketelusan, kecekapan dan amanah merupakan kunci dalam melaksanakan tanggungjawab bagi memastikan dasar, strategi dan matlamat skim bantuan kewangan dapat disempurnakan dengan baik.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian pembiayaan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2017/SSI10/USM/02/1; ID:188290-207709) seliaan Universiti Sains Malaysia (203.CISDEV.6711595).

Rujukan

- Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat. (2010). Diambil dari <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=integriti>
- Institut Integriti Malaysia. (t.t). Latar Belakang Integriti. Diambil dari <http://integriti.my/latar-belakang/>
- G Manimaran. (2017). *Pembudayaan Integriti Bermula Dari Atas*. Kuala Lumpur : Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI).
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (<http://www.jkm.gov.my>)
- Jamiah Manap, Azimi Hamzah, Ezhar Tamam, Sidek Mohd. Noah, Amini Amir Abdullah, Norizan Yahaya, Halimah Alma Othman & Hanina Halimatus Saadiah Hamsatun. (2005). *Pemantapan Nilai Integriti Individu sebagai Teras Pembangunan Staf Berkualiti*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia pada 2 & 3 Febuari 2005 di Hotel Sofitel, Senai, Johor Bahru.
- Laman Rasmi Institut Integriti Negeri Pulau Pinang. Diambil pada <http://www.iinppi.com.my/index.html>
- Laman Rasmi Terengganu Integrity Strategic Studies Institute (TSIS). Diambil dari <https://www.tsis.my/about/about/>
- Laman Rasmi Institut Pengurusan dan Integriti Negeri Kedah (INSPIN). Diambil dari <http://inspin.gov.my/>
- Laman Rasmi Institut Pengurusan dan Integriti Melaka. Diambil dari <http://www.inspim.gov.my/inspimv1/>
- Laman Rasmi Institut Integriti Kepimpinan dan Latihan Semangat Dato' Onn (IKLAS). Daimbil dari http://iklas.my/?fbclid=IwAR0Vkoq-puoMQsqZmvu4EMxgo0g_WBUUUwXyW8w87iSvTcSNIubTOS3XTFU
- Megat Ayop Megat Arifin & Abd. Halim Ahmad. (2016). Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9), 138-149.
- Michael E. Palanski & Francis J. Yammarino. (2007). Integrity and leadership: Clearing the Conceptual Confusion. *European Management Journal*, 25(3),171-184.
- Mohd Sidek Hassan. (2007). Koleksi arkib ucapan ketua eksekutif: Merealisasikan Tekad 2008 Pelan Integriti Nasional Cabaran dan Harapan. Diambil dari <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=sidek&id=3691>
- Mustafar Ali. (2006). *Pemantapan integriti perkhidmatan awam: Pelaksanaan berdasarkan Pelan Integriti Nasional (PIN)*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Wacana Fasilitator Eksekutif Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam (PIPA) pada 27 Februari 2006 di Hotel Istana Jalan Raja Chulan Kuala Lumpur.
- Muzaffar Syah Mallow. (2016). Integriti dalam kehidupan. Diambil daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/budaya-integriti-penjawat-awam-1.206016>
- Ong, F.S. and H. Tengku Aizan. (2010). Social protection in Malaysia: Current state and challenges. In *Social Protection in East Asia: Current State and Challenges*, ed. M.G. Asher, S. Oum and F. Parulian, pp. 182-219. Jakarta: Economic Research Institute for ASEAN and East Asia.
- Othman Mustapha. (2012). Pengukuhan integriti perkhidmatan awam: Pendekatan melalui program nilai-nilai murni. *Jurnal Pengurusan Awam*, 7-16.

- Pelan Antirasuah Nasional. (2019-2023). Memecah rantai rasuah. Diambil daripada laman sesawang <https://www.mpi.gov.my/images/pdf/PELAN-ANTIRASUAH-NASIONAL-2019-2023.pdf>
- Performance Management Delivery Unit, 2012 Annual Report, Diakses pada 22 Feb, 2017, www.pemandu.gov.my/gtp/annualreport2012/
- Rang Undang-Undang Perbekalan (2013) . Diakses pada 1 Mac 2017. http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/bajet2013/UCAPAN_BAJET_2013_28092012_M.pdf
- Rang Undang-Undang Perbekalan (2014). Diakses pada 1 Mac 2017. http://www.bnm.gov.my/files/2013/bs14_bm.pdf
- Rang Undang-Undang Perbekalan (2015). Diakses pada 1 Mac 2017. <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ucapan/ub15.pdf>
- Rang Undang-Undang Perbekalan (2016). Diakses pada 1 Mac 2017. <http://www.jkkn.gov.my/sites/default/files/docs/Teks%20Ucapan%20PM%20-%20Bajet%202016.pdf>
- Rang Undang-Undang Perbekalan (2017). Diakses pada 1 Mac 2017. <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ucapan/ub17.pdf>
- Stanford Encyclopedia of Philosophy. (2017). Integrity. Diambil dari <http://plato.stanford.edu/entries/integrity/>